

Headline	Suruhanjaya Tenaga rampas 500 mop stim		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	25	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,433
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,299



## Suruhanjaya Tenaga rampas 500 mop stim

**PUTRAJAYA 4 Jun** - Suruhanjaya Tenaga telah merampas sebanyak 500 unit mop stim dengan anggaran nilai pasaran sebanyak RM300,000 berikutan kegagalan produk itu mematuhi syarat ditetapkan.

Suruhanjaya itu dalam satu kenyataan memberitahu, syarat-syarat ditetapkan itu melibatkan aspek mengimport, mengilang atau mempamer kelengkapan elektrik di negara ini.

"Kelengkapan elektrik yang telah gagal ujian konsainmen tersebut dirampas pada 7 Mac lalu kerana pengimport gagal mengambil tindakan selanjutnya.

"Ini susulan notis dikeluarkan oleh suruhanjaya supaya melupus atau memulangkan kelengkapan yang tidak selamat tersebut ke negara asal," katanya di sini hari ini.

Hasil pemantauan yang dilakukan di gudang simpanan milik sebuah syarikat pengimport di Telok Panglima Garang, Selangor katanya, mereka mendapati syarikat pengimport berkenaan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan suruhanjaya.

Sehubungan itu jelas kenyataan tersebut, suruhanjaya sedang menjalankan siasatan lanjut di bawah subperaturan 109A (2)(b), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Sekiranya didapati bersalah jelasnya, syarikat terbabit berdepan dengan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

"Suruhanjaya memandang serius soal keselamatan kelengkapan elektrik kerana menjadi tanggungjawab suruhanjaya untuk memastikan keselamatan pengguna dalam penggunaan kelengkapan tersebut," katanya.